



Kenyataan Media

CYBERJAYA

22 September 2020

PELBAGAI PAKEJ JALUR LEBAR BERPATUTAN DISEDIAKAN UNTUK GALAKKAN GOLONGAN BELIA TEROKAI BIDANG DIGITAL

Penyedia perkhidmatan telekomunikasi di negara ini menyambut baik saranan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia, 17 September lalu, agar golongan belia diberikan pengetahuan yang mencukupi dan peluang yang luas untuk mencetuskan inovasi dan idea baharu di era ekonomi digital. Golongan belia merupakan kumpulan pengguna kemudahan telekomunikasi paling ramai dan paling aktif.

Pakej langganan yang disediakan oleh syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi sentiasa mengambil kira keperluan belia terhadap capaian jalur lebar yang murah dan berterusan. Sehubungan itu, beberapa pakej yang sesuai diperkenalkan seperti berikut:-

The Celcom logo consists of the word "celcom" in a blue, lowercase, sans-serif font, with a stylized orange and red graphic element above the letter "c".	<ul style="list-style-type: none">Untuk akses Internet tanpa had, belia boleh memilih pas mingguan Internet prabayar Truly Unlimited Celcom Xpax dengan harga berpatutan iaitu hanya pada RM12.Untuk penstriman YouTube tanpa had sepanjang masa, bersama-sama Internet berkelajuan tinggi sehingga 16GB, belia boleh memilih pelan pascabayar Celcom Xpax 'XP Lite™' pada RM38 sebulan.Pelan video Walla™ Celcom Xpax juga direka khas untuk memenuhi kepuasan digital Media Sosial, Video, Muzik dan permainan dalam talian.
The Digi logo features the word "digi" in a blue, lowercase, sans-serif font, enclosed within a yellow oval shape that has a blue "Globe" icon on its right side.	<p>Digi menawarkan Pakej Belia JENDELA di Sabah, untuk pendaftaran sah antara 1 dan 31 Oktober 2020.</p> <ol style="list-style-type: none">Digi Prepaid NEXT menawarkan pelan Internet edisi khas dengan akses Internet tanpa had dan panggilan ke semua rangkaian dengan harga RM35/bulan atau RM12/minggu.Digi Internet Freedom menawarkan pakej percuma tiga (3) bulan pertama untuk mana-mana pelan jalur lebar

	<p><i>home fibre.</i></p> <p>3. Jika para belia mendaftar untuk Digi Postpaid 38 atau 58, anda akan menikmati rebat bulanan RM10 selama 12 bulan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Digi Postpaid 38: Untuk menikmati 28GB dan panggilan tanpa had dengan harga RM28/bulan. ii. Digi Postpaid 58: Untuk menikmati 50GB dan panggilan tanpa had dengan harga RM48/bulan. <p>4. Dengan pakej pintar Digi Postpaid 58, para belia juga dapat memiliki telefon pintar 4G hanya pada harga RM68 sambil menikmati rebat bulanan RM10 yang sama pada pelan tersebut.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Maxis menawarkan Hotlink Prepaid Unlimited dengan Internet dan panggilan tanpa had ke semua rangkaian. Menyasarkan golongan belia, pelan prabayar tanpa had ini dapat digunakan untuk keperluan pembayaran, ganjaran dan hiburan dalam era <i>convergence</i> baharu. • Hotlink Prepaid Unlimited menawarkan nilai hebat dengan faedah menarik seperti Maxis TV, pulangan tunai di laman aplikasi Google Play store dan Apple app store dan lebih banyak ganjaran. Pelan ini sesuai dengan gaya hidup digital belia yang bersedia memanfaatkan ekosistem tersebut melalui kemahiran yang dipelajari dalam talian dan e-Dagang.
	<ul style="list-style-type: none"> • Pek permulaan prabayar Unlimited Funz amat sesuai untuk golongan belia. Ia merupakan satu-satunya pek permulaan prabayar dengan data tanpa had percuma untuk 10 aplikasi popular hari ini seperti Facebook, Instagram, Twitter, Whatsapp, Wechat, FB Messaging, imo, Viber, PUBG Mobile dan lebih lagi. • Pelan prabayar Giler Unlimited GX30 (RM1 sehari untuk data tanpa had, dengan 6GB hotspot) dan pelan pascabayar GX50 (harga promosi RM40 sebulan, dengan 5GB hotspot) juga sangat sesuai untuk golongan belia. Kedua-dua pelan prabayar dan pascabayar ini menawarkan data tanpa had yang sangat kondusif untuk tujuan <i>e-learning</i>, produktiviti dan juga hiburan.
	<ul style="list-style-type: none"> • TM menawarkan pelan prabayar sedia ada unifi Mobile BEBAS yang sesuai untuk para belia serta pelan-pelan tanpa had unifi home dan pelan-pelan pasca bayar unifi Mobile kami. • Pelan unifi Mobile #BEBAS prabayar untuk belia ditawarkan dengan pilihan bernilai RM10, RM13, RM15 atau RM35 dengan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Lebih data untuk strim, bermain, membeli-belah dan

melayari Internet.

- Pelanggan boleh membeli *add-on* jika memerlukan lebih data untuk menikmati aplikasi kegemaran mereka dan membuat lebih banyak panggilan untuk bersempang sepanjang hari.
- Dengan Pakej Belia Prabayar Mobile #BEBAS ini, mereka dapat menikmati;
 - i. Data berkelajuan tinggi tanpa had
 - ii. Tiada tempoh tamat kredit
 - iii. Bayar secara dalam talian bila-bila masa

Notis: Sila dapatkan maklumat lengkap berkaitan pelan-pelan data di atas daripada syarikat penyedia perkhidmatan yang berkenaan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sebagai salah satu agensi kerajaan yang terlibat dalam penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang mampan di bawah inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA), turut membantu melaksanakan agenda pembangunan modal insan dalam sektor digital, terutamanya untuk golongan belia berusia antara 15 hingga 40 tahun. Tinjauan oleh MCMC terhadap penggunaan perkhidmatan jalur lebar pada 2018 mendedahkan bahawa golongan belia membentuk komposisi seperti berikut:-

- 67.8% daripada 28.7 juta pengguna internet;
- 80.9% atau 16.6 juta terlibat dengan aktiviti e-dagang; dan
- 78.4% menggunakan internet setiap hari antara 1-12 jam.

Tinjauan ini juga menunjukkan kecenderungan golongan belia menggunakan Internet sebagai platform utama untuk mencari pekerjaan, bermain permainan dalam talian, mendapatkan hiburan, berkomunikasi dan mencari maklumat.

MCMC kini sedang mengambil langkah memperkasakan fungsi 1,064 Pusat Internet Komuniti (PIK) di seluruh negara sebagai pusat transformasi digital untuk masyarakat setempat dengan menjadikan golongan belia sebagai sasaran utama. Selain memberi latihan kemahiran asas ICT untuk pelbagai golongan, PIK kini mampu menyediakan latihan yang lebih canggih seperti pengaturcaraan, aplikasi robotik, penciptaan aplikasi mudah alih, keusahawanan e-dagang, animasi, penerbitan video, pencetakan tiga (3) dimensi dan latihan-latihan lain yang boleh dimanfaatkan oleh golongan belia untuk menambah kemahiran dan mencipta inovasi.

Kemudahan dan pelbagai program yang disediakan ini diharap dapat merangsang golongan belia melengkapkan diri dengan pengetahuan digital yang sofistikated untuk bersaing membina masa hadapan.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



SKMM_MCMC



SKMM_MCMC



MCMCTV